

18 AUG 1998

MAHATHIR-SERANGAN/I

SERANGAN SPEKULATIF TELAH MENCAPAI TAHAP BAHAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata serangan spekulatif ke atas matawang-matawang yang bermula sejak setahun lalu telah mencapai tahap yang berbahaya dan mungkin mendorong negara-negara untuk menyerang balas.

Bercakap pada perhimpunan perpaduan sempena sambutan Hari Pekerja di sini hari ini, Perdana Menteri berkata jika serangan-serangan ke atas matawang-matawang dan saham-saham berterusan ke atas negara-negara sedang membangun, ada ketikanya apabila "serangan-serangan seumpama itu akan mengenai negara-negara yang mungkin menyerang balas."

Beliau menyatakan keyakinan bahawa Malaysia, yang disokong oleh perpaduan kaum dan perhubungan yang kukuh antara kerajaan, majikan dan pekerja, boleh menangkis serangan-serangan seumpama itu.

Dr Mahathir berkata lebih banyak tekanan asing boleh dijangka untuk memaksa Malaysia meminta bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) supaya mendedahkan sepenuhnya ekonominya kepada bank-bank dan syarikat-syarikat asing.

Sebagai contoh tentang tekanan yang meningkat ke atas negara ini, katanya Malaysia telah merancang untuk memperolehi dana di luar negara, penarafan kekukuhan ekonominya telah diturunkan supaya ia terpaksa membayar faedah yang tinggi ke atas pinjaman luarnya.

"Jelaslah, mereka bukan menyokong tetapi menyekat usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berkata beberapa negara yang matawang-matawang mereka diserang telah mengambil langkah yang drastik untuk melindungi ekonomi-ekonomi mereka.

Di Hong Kong, sebagai contoh, kerajaan terpaksa masuk ke pasaran untuk membeli saham-saham tetapi ia dituduh mengganggu kuasa pasaran yang mempengaruhi pasaran saham itu.

Perdana Menteri berkata bahawa di negara-negara yang menerima bantuan IMF seperti Korea Selatan, Indonesia dan Thailand, ekonomi-ekonomi mereka terpaksa disusun semula sebagai salah satu daripada syarat-syarat bantuan kewangan itu.

Di samping itu, pekerja-pekerja dibuang dan pekerja-pekerja melancarkan mogok umum kerana mereka tidak mampu kehilangan pekerjaan mereka.

Sekarang, pekerja-pekerja dituduh kerana mengganggu penyusunan semula ekonomi.

"Mereka juga mempersalahkan sistem ekonomi negara-negara itu kerana tidak mempunyai perlindungan (safety net) bagi mereka yang dibuang kerja," katanya.

Di negara-negara maju, perlindungan diadakan tetapi Dr Mahathir menegaskan bahawa wang itu datang daripada pembayar cukai yang telah bekerja untuk mencari nafkah hidup mereka.

"Kita di Timur, keadaan adalah berbeza, kerajaan-kerajaan mahu memberi pekerja kepada pekerja-pekerja seumur hidup dan tidak mahu pekerja dibuang," katanya.

Dr Mahathir berkata, kepada spekulator-spekulator, penyusunan semula ekonomi tidak patut disekat dan keuntungan untuk mereka adalah lebih penting daripada masalah sosial.

Katanya Malaysia telah mencapai kemerdekaan dalam dalam masa 41 tahun lalu, berjaya membangunkan negara tanpa banyak bantuan asing.

Tetapi sekarang, "spekulator it mahu kita kehilangan kemerdekaan,

kebebasan dan kedaulatan," katanya.

Selain daripada mahu menentukan ekonomi, mereka juga mahu menentukan siapa patut memimpin negara-negara itu (sedang mambangun), katanya.

Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada para pekerja Malaysia kerana kerjasama mereka setakat ini dan tidak menunjuk perasaan, sama ada mogok secara aman, kekerasan atau kecil-kecilan. -- BERNAMA

AD MR/TCL OS